



KENYATAAN MEDIA

KOTA KINABALU (27 SEPTEMBER 2020) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah memantau Pilihan Raya Negeri Sabah ke-16 pada 21-26 September 2020 dan berikut adalah beberapa penemuan awal SUHAKAM daripada pemantauan tersebut:

- Secara umumnya, proses Pilihan Raya Negeri tersebut telah dijalankan secara teratur dan selaras dengan peraturan pilihan raya serta garis panduan pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Calon parti politik dapat menjalankan aktiviti kempen mereka melalui kempen dari rumah ke rumah, ceramah atau sesi secara langsung melalui platform media sosial. Namun, dalam beberapa aktiviti kempen, SUHAKAM memerhatikan bahawa orang ramai tidak menjaga jarak fizikal sesama mereka.
- Liputan media arus perdana tidak sama rata antara parti-parti politik yang bertanding.
- Beberapa pusat mengundi didapati tidak mesra OKU - saluran mengundi untuk orang tua, orang kurang upaya dan wanita hamil tidak ditempatkan di tingkat bawah dan mereka perlu menaiki tangga; longkang di sekitar laluan ke saluran mengundi tidak bertutup; dan beberapa pusat mengundi tidak menyediakan kerusi roda yang mencukupi atau tidak ada kerusi roda untuk mereka yang memerlukan kemudahan tersebut.

SUHAKAM akan menyediakan laporan lengkap mengenai pemantauan pilihan raya tersebut termasuk syor-syor untuk penambahbaikan dan akan mengemukakan laporan tersebut kepada Kerajaan untuk pertimbangan mereka.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

27 September 2020

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my